



MALAYSIAN MS ISO 15489-1:2020 (BM) **STANDARD**

**Maklumat dan pendokumenan – Pengurusan
rekod - Bahagian 1: Konsep dan prinsip
(ISO 15489-1:2016, IDT)
(Diterbitkan oleh Jabatan Standard
Malaysia pada tahun 2022)**

ICS: 01.140.20

Perihal: maklumat, pendokumenan, pengurusan rekod, am

© Hak Cipta 2022

DEPARTMENT OF STANDARDS MALAYSIA

PEMBANGUNAN *MALAYSIAN STANDARD*

Jabatan Standard Malaysia (Standards Malaysia) ialah badan standard dan akreditasi kebangsaan.

Fungsi utama Standards Malaysia adalah untuk merangsang dan menggalakkan standard, penstandardan dan akreditasi sebagai cara bagi memajukan ekonomi negara, menggalakkan kecekapan dan pembangunan industri yang bermanfaat kepada kesihatan dan keselamatan awam, melindungi pengguna, memudahkan perdagangan dalam negeri dan antarabangsa serta melanjutkan kerjasama antarabangsa berhubung dengan standard dan penstandardan.

Malaysian Standard (MS) dibangunkan melalui sepersetujuan jawatankuasa-jawatankuasa yang dianggotai oleh perwakilan yang seimbang terdiri daripada pengeluar, pengguna dan pihak lain yang kepentingannya relevan, sebagaimana yang sesuai dengan perkara yang sedang diusahakan. *Malaysian Standard* adalah sejajar atau diterima guna daripada standard antarabangsa, seboleh mungkin. Kelulusan sesuatu standard sebagai *Malaysian Standard* ditentukan oleh Akta Standard Malaysia 1996 [Akta 549]. *Malaysian Standard* dikaji semula secara berkala. Penggunaan *Malaysian Standard* adalah secara sukarela, melainkan diwajibkan oleh pihak berkuasa yang mengawal selia melalui peraturan, undang-undang kecil tempatan atau apa-apa cara lain yang serupa.

Untuk maklumat lanjut berkaitan dengan *Malaysian Standard*, sila hubungi:

Jabatan Standard Malaysia

Aras 4 – 7, Menara 2, Menara Cyber Axis
Jalan Impact, Cyber 6
63000 Cyberjaya
Selangor Darul Ehsan
MALAYSIA

Tel: 60 3 8008 2900
Faks.: 60 3 8008 2901
Laman web: <http://www.jsm.gov.my>
E-mel: central@jsm.gov.my

Kandungan

	Muka surat
Perwakilan jawatankuasa	ii
Prakata Kebangsaan	iii
Prakata	iv
Pengenalan.....	v
1 Skop	1
2 Rujukan normatif	1
3 Terma dan definisi	1
4 Prinsip untuk mengurus rekod.....	4
5 Rekod dan sistem rekod.....	4
6 Polisi dan tanggungjawab	9
7 Penilaian	13
8 Kawalan rekod.....	15
9 Proses pewujudan, penawanan dan mengurus rekod.....	19
Bibliografi	25

MS ISO 15489-1:2020 (BM)

Perwakilan jawatankuasa

Jawatankuasa Kebangsaan Standard mengenai Kualiti dan Pengurusan Organisasi (NSC Y) yang di bawah kuasanya *Malaysian Standard* ini dibangunkan, dianggotai oleh wakil daripada organisasi berikut:

Arkib Negara Malaysia
Construction Industry Development Board Malaysia
Jabatan Standards Malaysia (Sekretariat)
Federation of Malaysian Manufacturers
Federation of Public Listed Companies
Institut Kimia Malaysia
Institute of Quality Malaysia
Malaysia Productivity Corporation
Malaysian Agricultural Research and Development Institute
Malaysian Association of Standards Users
Malaysian Employers Federation
Malaysian International Chamber of Commerce and Industry
Medical Device Authority
National Pharmaceutical Regulatory Agency
Institut Penyelidikan Sains dan Teknologi Pertahanan
SIRIM Berhad
SIRIM QAS International Sdn Bhd
The Electrical and Electronics Association of Malaysia
The Institution of Engineers, Malaysia
Universiti Utara Malaysia

Jawatankuasa Teknikal mengenai Pengurusan Rekod (TC/Y/9) yang membangunkan *Malaysian Standard* ini dianggotai oleh wakil daripada organisasi berikut:

Arkib Negara Malaysia
Jabatan Standards Malaysia (Sekretariat)
Bank Negara Malaysia
Biz Objek Sdn Bhd
Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO)
Petroliam Nasional Berhad
Unit Pemodenan Tadbiran dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU)
Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM)
Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Prakata Kebangsaan

Penerimgunaan Standard ISO sebagai *Malaysian Standard* telah disyorkan oleh Jawatankuasa Teknikal mengenai Pengurusan Rekod di bawah kuasa Jawatankuasa Standard Kebangsaan Mengenai Kualiti dan Pengurusan Organisasi.

Malaysian Standard ini serupa dengan ISO 15489-1:2016, *Information and documentation - Records management - Part 1: Concepts and principles*, yang diterbitkan oleh *International Organization for Standardization (ISO)*. Walau bagaimanapun, bagi maksud *Malaysian Standard* ini, perkara-perkara yang berikut diguna pakai:

- a. dalam teks sumber, "Standard Antarabangsa ini" hendaklah dibaca "*Malaysian Standard* ini";
- b. tanda koma yang digunakan sebagai tanda perpuluhan (jika ada), hendaklah dibaca sebagai tanda noktah; dan
- c. rujukan kepada Standard Antarabangsa hendaklah diganti dengan *Malaysian Standard* sepadan seperti yang berikut:

<u>Rujukan Standard Antarabangsa</u>	<u><i>Malaysian Standard</i> sepadan</u>
ISO 9001, <i>Quality management systems - Requirements</i>	MS ISO 9001, <i>Quality management systems - Requirements</i>
ISO 14001, <i>Environmental management systems - Specification with guidance for use</i>	MS ISO 14001, <i>Environmental management systems - Specification with guidance for use</i>

MS ISO 15489 terdiri daripada bahagian yang berikut, di bawah tajuk umum Maklumat dan pendokumenan - Pengurusan rekod:

Bahagian 1: Konsep dan Prinsip

Bahagian 2: Garis Panduan (Laporan Teknikal)

Versi Bahasa Malaysia ini adalah terjemahan daripada versi asal dalam Bahasa Inggeris, iaitu MS ISO 15489-1:2016, *Information and documentation - Records management - Part 1: Concepts and principles*. Jika terdapat sebarang pertikaian semasa penggunaan standard ini, versi bahasa Inggeris haruslah diguna pakai.

Pematuhan *Malaysian Standard* tidak dengan sendirinya memberi kekebalan daripada obligasi undang-undang.

NOTA. IDT pada kulit depan menunjukkan standard yang serupa, iaitu satu standard yang kandungan teknikal, struktur, susunan kata (atau terjemahan yang serupa) *Malaysian Standard* adalah benar-benar sama seperti dalam Standard Antarabangsa atau serupa dari segi kandungan teknikal dan struktur walaupun mungkin mengandungi perubahan editorial yang minimum seperti yang ditetapkan dalam klausa 4.2 ISO/IEC Guide 21-1.

MS ISO 15489-1:2020 (BM)

Prakata

International Organization for Standardization (ISO) atau Pertubuhan Penstandardan Antarabangsa ialah persekutuan badan standard kebangsaan (badan anggota ISO) di seluruh dunia. Kerja menyediakan Standard Antarabangsa lazimnya dilakukan melalui jawatankuasa teknikal ISO. Setiap badan anggota yang berminat mengenai sesuatu perkara, yang untuk maksud itu suatu jawatankuasa teknikal telah diwujudkan, berhak diwakili dalam jawatankuasa itu. Pertubuhan antarabangsa kerajaan dan bukan kerajaan, melalui hubungan dengan ISO, juga mengambil bahagian dalam kerja ini. ISO bekerjasama rapat dengan *International Electrotechnical Commission (IEC)* atau Suruhanjaya Elektroteknikal Antarabangsa dalam segala perkara mengenai penstandardan elektroteknikal.

Prosedur yang digunakan untuk membangunkan dokumen ini dan dokumen lain yang berkaitan untuk penyelenggaraan seterusnya diperihalkan dalam *ISO/IEC Directives, Part 1*. Khususnya perbezaan kriteria kelulusan yang diperlukan untuk jenis-jenis dokumen ISO yang berbeza perlu diambil maklum. Dokumen ini disediakan selaras dengan peraturan yang diberikan dalam *ISO/IEC Directives, Part 2* (lihat www.iso.org/directives).

Perhatian diberikan kepada kemungkinan sesetengah unsur dokumen ini mungkin tertakluk pada hak paten. ISO tidak boleh dipertanggungjawabkan bagi mengenal pasti apa-apa atau kesemua hak paten itu. Perincian mana-mana hak paten yang dikenal pasti semasa pembangunan dokumen akan dimasukkan ke dalam Pengenalan dan/atau senarai perisytiharan paten ISO yang diterima (lihat www.iso.org/patents).

Apa-apa nama dagang yang digunakan dalam dokumen ini ialah maklumat yang diberikan untuk kemudahan pengguna dan tidak menjadi sebahagian daripada pengendorsan.

Bagi penjelasan makna istilah khusus ISO dan ungkapan berkaitan dengan penilaian keakuratan, serta maklumat berkaitan dengan pematuhan ISO kepada prinsip Pertubuhan Perdagangan Antarabangsa (WTO) dalam *Technical Barriers to Trade (TBT)*, lihat URL berikut: www.iso.org/iso/foreword.html.

Jawatankuasa yang bertanggungjawab tentang dokumen ini ialah *Technical Committee ISO/TC 46, Information and documentation, Subcommittee SC 11, Archives/records management*.

Edisi kedua ini membatalkan dan menggantikan edisi pertama (ISO 15489-1:2001), yang telah disemak semula dari segi teknikal.

ISO 15489 terdiri daripada dua bahagian yang berikut, di bawah tajuk umum Maklumat dan pendokumenan - Pengurusan rekod:

--- Bahagian 1: Konsep dan prinsip

--- Bahagian 2: Garis panduan [Laporan Teknikal]